

12 JUN 1997

Anwar-Lapangan Terbang (Bergambar)

EPU KAJI PROJEK LAPANGAN TERBANG A'BANGSA BARU DI KEDAH

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang mengkaji cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa di kawasan yang akan ditebus guna berhampiran Kuala Muda, Kedah.

Katanya, kajian kemungkinan berhubung projek lapangan terbang itu serta Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) mengenainya juga sedang dilakukan.

"Perdana Menteri telah beri pandangan supaya (projek) disegerakan, jadi saya telah beri arahan kepada EPU untuk meneruskan dengan kajian 'feasibility' (kemungkinan) dan juga untuk buat EIA supaya dapat kita teliti pelaksanaannya secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dana Pendidikan dan Bangunan Hospital Mata Tun Hussein Onn, di sini.

Dana itu adalah bagi mewujudkan Institut Optalmologi Kebangsaan dalam usaha menambah kakitangan terlatih dalam bidang berkenaan.

Anwar berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid tentang pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa, yang kedua bagi negeri itu selepas Langkawi, yang dicadangkan di atas sebuah pulau buatan manusia di pesisiran pantai Kuala Muda.

Menurut Sanusi, kelulusan bagi pembinaan lapangan terbang itu telah diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang juga mahukan agar pembinaannya disegerakan.

Pembinaan lapangan terbang yang terletak di kawasan seluas 6,300 hektar yang akan dimajukan oleh Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd itu, dijangka dapat menampung pengendalian pelancong antarabangsa di kawasan utara Semenanjung yang kini dilakukan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Pulau Pinang.

Ketika ditanya sama ada pembinaan lapangan terbang baru itu akan memberi kesan kepada lapangan terbang di Pulau Pinang, Anwar berkata: "Sekarang ini belum dapat (dibuat penilaian)... kerana dalam kajian itu akan dilihat keseluruhan 'northern sector requirement' (keperluan di kawasan Utara)."

Anwar berkata, pembinaan lapangan terbang di kawasan itu telah dikenal pasti bagaimanapun, kerajaan perlu meneliti segenap sudut sebelum keputusan akhir mengenainya dibuat.

Katanya, kajian kemungkinan EPU berhubung pembinaan lapangan terbang itu juga akan mengambil kira pandangan daripada Penerbangan Malaysia (MAS).

-- BERNAMA

RAZ NMO